



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Keunikan Seni Bina Rumah Melayu di Sarawak

NORAZIMAH BINTI DRUS (31852)

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)
2014

KEUNIKAN SENIBINA RUMAH MELAYU DI SARAWAK

NORAZIMAH BINTI DRUS

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian
(Program Pengurusan Seni)**

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2014.

Student's Declaration:

I **NORAZIMAH BINTI DRUS, 31852, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**
----- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby
declare that the work entitled **KEUNIKAN SENI BINA RUMAH MELAYU DI SARAWAK**
----- is my original work. I have not copied from any other
students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is
made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NORAZIMAH BINTI DRUS (31852)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **DR NORIA ANAK TUGANG** (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitled **KEUNIKAN SENI BINA RUMAH MELAYU DI SARAWAK**
----- (TITLE) was prepared by the above named student, and was
submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of -----
BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE
INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the
said student's work.

Received for examination by:

DR NORIA AK TUGANG

Date: _____

(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature: _____
(2014)

Supervisor signature: _____
(2014)

Current Address:

Kuching, Sarawak

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek yang bertajuk '**Keunikan Seni Bina Rumah Melayu di Sarawak**' telah disediakan oleh **Norazimah Binti Drus** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Disediakan oleh:

(NORAZIMAH BINTI DRUS)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dapat menyempurnakan kajian ini dengan sempurna. Sepanjang menjalankan kajian ini, saya telah memperolehi banyak pengalaman sama ada pahit dan manis dan amat berharga dan bermakna dalam hidup saya sebagai seorang pelajar.

Justeru itu, saya juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan kajian ini iaitu “Keunikan Seni Bina Rumah Melayu di Sarawak”. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan kajian ini, terutamanya kepada penyelia saya iaitu Dr Noria ak Tugang kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini sehinggalah saya berjaya menghasilkan satu kajian ini dengan jayanya. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pemilik rumah Melayu di Kampung Patinggan, Kuching dan juga pemilik rumah Melayu di Kampung Spaoh, Betong kerana sudi menjadi informan saya dan telah bekerjasama untuk memberikan informasi yang berkaitan dengan kajian ini.

Tidak dilupakan kepada ahli keluarga terutamanya ibu bapa saya yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan kajian ini. Selain itu, ucapan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjalankan kajian ini.

Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan dan sokongan semua, kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

Norazimah Binti Drus
Pengurusan Seni
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Universiti Malaysia Sarawak
94300, Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini mengenai Keunikan Seni Bina Rumah Melayu di Sarawak. Rumah Melayu di Sarawak merupakan salah satu warisan tradisional yang amat bernilai. Keunikan seni bina rumah Melayu di Sarawak dapat diperlihatkan menerusi seni binanya yang unik dan mengandungi falsafah tertentu yang terdapat pada keseluruhan seni bina rumah Melayu tersebut. Oleh itu, kajian ini fokus kepada ciri-ciri seni bina rumah Melayu di Sarawak, iaitu untuk mengkaji makna tersirat disebalik keunikan rumah Melayu tersebut.

ABSTRACT

This study is about the uniqueness of Malay House Architecture in Sarawak. A Malay house in Sarawak is one of the most valuable traditional heritages. The unique architecture of the Sarawak Malay house can be shown through the unique architecture and contains a certain philosophy found in the overall architecture of a traditional Malay house. Therefore, this study focuses on the architectural features of a traditional Malay house in Sarawak, which is to examine the implied meaning behind the uniqueness of the traditional Malay house.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Borang Pengesahan Status Tesis	i
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
Isi Kandungan	viii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Hipotesis Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	2
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Kepentingan Kajian	3
1.6	Skop Kajian	4
1.7	Lokasi Kajian	4
1.8	Masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian	5
1.9	Populasi Kajian	7
1.10	Limitasi Kajian	8
1.11	Instrument Kajian	9

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Sejarah Negeri Sarawak (Bumi Kenyalang)	12
2.3	Rumah Melayu	17
2.4	Seni Bina Rumah Tradisional Lama	19
2.5	Seni Bina Rumah Melayu	22
2.6	Ukir Kayu	24
2.7	Falsafah di Sebalik Bentuk-bentuk Rumah Tradisional Melayu	26
2.8	Konsep Kosmos dalam Bentuk Fizikal Rumah Melayu	38
2.9	Warisan Seni Bina Melayu	46
2.10	Ukir Kayu Tradisi	47
2.11	Warisan Seni Ukir Kayu	48
2.12	Rumah Melayu Tradisi	49
2.13	Rumah Tradisional Negeri Sembilan (Satu Analisis Seni Bina Melayu)	50
2.14	Kajian Lepas	51
2.15	Rumusan	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Kaedah Kajian	55
3.3	Sumber Data	55
3.3.1	Data Sekunder	56
3.3.2	Data Primer	56
3.4	Rumusan	57

BAB 4 ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	58
4.2	Kaedah Temubual	59
4.3	Dapatan Kajian	88
4.4	Rumusan	91

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	92
5.2	Cadangan	94

Glosari	96
Sumber Rujukan	97
Senarai Informan Utama	99
Lampiran 1	100

Senarai Peta:

Peta 2.2.1	Peta Negeri Sarawak	12
------------	---------------------	----

Senarai Ilustrasi:

Ilustrasi 2.2.3	Falsafah dari Bentuk dan Ciri-ciri Rumah Melayu	27
-----------------	---	----

Senarai Rajah:

Rajah 2.2.4	Tataruang Rumah Melayu dan Pergerakan di dalamnya	31
Rajah 2.2.5	Konsep Ruang dan Perkembangan Serambi Rumah Melayu	33
Rajah 2.2.6	Unsur Kosmos Rumah Melayu dan Bugis	40
Rajah 2.2.7	Analogi Juzuk Rumah dengan Anggota Tubuh Manusia	43

Senarai Gambar:

Gambar 2.2.2	Bendera Negeri Sarawak	16
Gambar 4.2.1	Informan 1	60
Gambar 4.2.2	Rumah Melayu yang dimiliki (Informan 1)	60
Gambar 4.2.3	<i>Arc Bentuk Kubah</i>	63
Gambar 4.2.4	Ukirian pada Kekisi Cucur Atap	64
Gambar 4.2.5	Tunjuk Langit	65
Gambar 4.2.6	Kaligrafi Arab pada Tabir Layar	66
Gambar 4.2.7	<i>Colonel Column</i>	67
Gambar 4.2.8	Tingkap Rumah	68
Gambar 4.2.9	Tiang Seri	69
Gambar 4.2.10	Anak Tangga	71
Gambar 4.2.11	Informan 2	73
Gambar 4.2.12	Rumah Melayu yang dimiliki (Informan 2)	73
Gambar 4.2.13	Kekisi Cucur Atap	76
Gambar 4.2.14	Loteng Rumah	77
Gambar 4.2.15	Ukirian pada Dinding Loteng	78
Gambar 4.2.16	Ayat Kaligrafi pada Tabir Layar	79
Gambar 4.2.17	Halaman Rumah Melayu	80
Gambar 4.2.18	Ukirian pada Ruangan Tengah Rumah	81
Gambar 4.2.19	Pemasangan Kayu Berpasak	83
Gambar 4.2.20	Motif Itik Pulang Petang pada Sisi Tangga	84
Gambar 4.2.21	Bumbung Berbentuk ‘A’	85
Gambar 4.2.22	Serambi Rumah	86
Gambar 4.2.23	Lebar Tangga	87
Gambar 5.3	Senarai Informan Utama (Informan 1)	99
Gambar 5.4	Senarai Informan Utama (Informan 2)	99

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan gambaran umum tentang kajian yang akan dikaji. Dengan tajuk kajian iaitu Keunikan Seni Bina Rumah Melayu di Sarawak, pengkaji akan mengkaji tentang keunikan yang ada pada seni bina yang terdapat pada Rumah Melayu di Sarawak.

Keunikan mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka membawa maksud lain daripada yang lain, tersendiri, luar biasa, dan juga membawa makna istimewa. Dengan lebih terperinci dalam mengaitkan maksud keunikan dalam kajian pengkaji, keunikan ini membawa maksud keaslian usaha seni dalam pertukangan seni bina. Sebagai contoh, keunikan sesuatu seni bina dikatakan mempunyai nilai seni yang tinggi apabila seni bina yang dibuat sangat menarik dan unik bentuknya. Dalam kajian ini, kajian yang dijalankan berkenaan dengan keunikan seni bina dalam pembinaan rumah Melayu di Sarawak yang mempunyai daya tarikannya tersendiri.

Rumah Melayu dijadikan sebagai objek utama dalam kajian yang dijalankan kerana rumah Melayu adalah objek yang sesuai bagi menyokong tentang gambaran keunikan seni bina tersebut kerana ia dikatakan mempunyai maksud yang tersendiri disebalik keunikan seni binanya.

1.2 Hipotesis Kajian

Ramalan awal pengkaji dalam kajian ini adalah rumah Melayu di Sarawak mempunyai ciri-ciri seni binanya yang unik dan setiap seni bina yang ada pada rumah Melayu ini mempunyai maksud tersirat dan tujuan yang tertentu. Selain itu, rumah Melayu yang dibina mempunyai falsafahnya yang tersendiri agar setiap seni bina yang dibuat akan menyerlahkan lagi gaya kemelayuan yang ada pada seni bina rumah Melayu tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Sudah diketahui masyarakat kita lebih-lebih lagi masyarakat Melayu di Sarawak bahawa rumah Melayu ini mempunyai seni bina dan struktur yang indah lagi tampak cantik. Akan tetapi, di sebalik keindahan dan kecantikan seni bina rumah Melayu itu, segelintir masyarakat umum tidak mengetahui dan memahami maksud tersirat di sebalik nilai seni binanya, ciri-ciri seni bina yang ada pada rumah Melayu apatah lagi falsafah yang ada pada setiap seni bina rumah tersebut. Permasalahan ini merupakan panduan dan fokus utama di dalam kajian yang dijalankan.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji Keunikan Seni Bina Rumah Melayu di Sarawak. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- ❖ Mengenalpasti ciri-ciri seni bina rumah Melayu
- ❖ Mengkaji maksud tersirat setiap seni bina yang dibuat
- ❖ Menganalisa falsafah tentang seni bina rumah Melayu

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting terhadap masyarakat kini terutama masyarakat Melayu agar mereka mengambil peluang terhadap kajian yang dijalankan adalah merupakan kekurangan dan permasalahan yang ada dalam menyedarkan mereka terhadap pentingnya untuk mengetahui setiap warisan yang terdahulu ditinggalkan kepada kita. Selain itu juga, kajian ini penting bagi mendedahkan kepada masyarakat kita tentang ciri-ciri seni bina rumah Melayu yang mempunyai keunikan dan maksud yang tersendiri dalam pembuatan seni binanya. Kajian ini juga menitikberatkan bahawa setiap seni bina rumah Melayu itu mempunyai falsafah yang harus diketahui oleh masyarakat umum sebagai panduan dan pengetahuan tersendiri agar masyarakat kita lebih-lebih lagi di masyarakat Melayu di Sarawak supaya tidak memandang remeh terhadap segala warisan terdahulu yang kini begitu tinggi niai estetikanya.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian atau fokus kajian pengkaji adalah tentang keunikan seni bina rumah Melayu di Sarawak berdasarkan ciri-ciri seni binanya mahupun maksud di setiap seni bina yang dibuat berlandaskan falsafah tentang rumah Melayu.

1.7 Lokasi Kajian

Pengkaji telah memilih negeri Sarawak sebagai lokasi kajian. Hal ini adalah kerana pengkaji ingin mengkaji keunikan seni bina rumah Melayu di Sarawak kerana itu merupakan salah satu warisan yang terdahulunya tetapi umumnya masyarakat masih kurang mengenali tentang keunikan disebalik seni binanya. Fokus lokasi kajian pengkaji adalah di Kampung Patinggan, Jalan Ajibah Abol, Kuching, Sarawak dan juga di Kampung Spaoh, Betong, Sarawak.

1.8 Masalah yang di Hadapi Semasa menjalankan Kajian

Masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah masalah untuk mendapatkan informasi bagi memberi maklumat dalam kajian yang dijalankan. Dalam hal ini, pada hari pertama, pengkaji terlebih dahulu membuat *survey* tempat dan rumah yang sesuai dalam menjalankan kajian pengkaji. Sesudah mendapatkan sebuah rumah Melayu tersebut, pengkaji perlu bersabar untuk menemui tuan atau pemilik rumah tersebut. Pada mulanya, berkemungkinan reaksi pemilik rumah tersebut berasa kurang selesa dengan kehadiran pengkaji mungkin memikirkan pengkaji adalah seorang *sales girl* atau sebaliknya. Pemilik rumah tersebut pada mulanya enggan melayan pengkaji dengan baik, tetapi setelah diceritakan dan disampaikan tujuan sebenar pengkaji ke rumah tersebut, pemilik rumah tersebut pun bersetuju untuk memberi kerjasama kepada pengkaji bagi memberi maklumat yang sepatutnya berkenaan tajuk kajian pengkaji tetapi dengan adanya surat kebenaran yang sah dari pihak UNIMAS.

Setelah membuat temujanji bersama pemilik rumah tersebut, surat kebenaran bagi membuat kajian di luar dari pihak UNIMAS juga telah diluluskan. Terdapat juga masalah lain yang dihadapi oleh pengkaji. Dalam hal yang sama, pemilik rumah tersebut merupakan orang yang berbakti dalam memandikan jenazah. Disebabkan itulah masa untuk menemuduga pemilik rumah tersebut selalu tertunda disebabkan perkara yang tidak dapat dielakkan. Sesudah pemilik rumah tersebut menetapkan satu tarikh untuk menemuduganya dan berharap dapat meluangkan waktu bersama saya bagi mendapatkan maklumat, akhirnya semuanya berjalan dengan lancar.

Begitu juga dengan informan yang kedua di Kampung Spaoh tersebut. Sewaktu itu, pengkaji hanya pergi ke kampung tersebut hanya untuk survey mencari rumah yang sesuai untuk dijadikan tempat kajian. Memakan masa dua jam lebih perjalanan ke kampung tersebut dengan menggunakan kenderaan sendiri. Akhirnya, pengkaji menjumpai rumah yang sesuai dengan kajian pengkaji. Syukurnya pada masa tersebut tuan pemilik rumah tersebut ada di rumah itu, pemilik rumah tersebut sebenarnya menetap di Miri kerana pekerjaan beliau sebagai seorang pegawai kastam. Oleh yang demikian, rezeki menyebelahi pengkaji bagi menjalakan kajian. Tuan rumah tersebut sangat memberi kerjasama yang baik kepada pengkaji dalam menjalankan kajian tentang rumah Melayu yang dimiliki beliau itu.

Terdapat juga masalah dalam memperolehi bahan rujukan seperti meminjam buku. Buku yang hendak dijadikan rujukan tidak dapat dipinjam kerana buku itu merupakan koleksi khas dan ia merupakan satu buku warisan yang ada dalam dunia Melayu. Akhirnya pengkaji hanya dapat membaca dan memahami kandungan buku tersebut dan mencatat apa yang perlu dan ia meyebabkan kesuntukan masa bagi mendapatkan maklumat tersebut. Jika buku itu dapat dipinjam, sekurang-kurangnya pengkaji boleh membaca bila-bila masa sahaja tanpakekangan.

Itulah merupakan masalah yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian dan bagi mendapatkan maklumat sebagai panduan utama pengkaji.

1.9 Populasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membuat kajian mengenai keunikan seni bina rumah Melayu di Sarawak. Kajian dijalankan mestilah fokus kepada kawasan yang mempunyai majoriti penduduk kampung Melayu lama terdahulu. Hal ini kerana kawasan seperti itu mempunyai banyak rumah peninggalan rumah Melayu terdahulu bagi memelihara warisan yang sedia ada. Bagi ciri-ciri rumah Melayu yang dikaji adalah seperti mempunyai keunikan dari pandangan luarnya melalui motif ukiran, dan reka bentuk rumah tersebut. Begitu juga dengan pembinaan ruang dalaman rumah Melayu tersebut di mana ia mempunyai keunikan dalam tataruang dan tatacaranya yang semuanya berlandaskan agama dan juga falsafah yang tersendiri.

Pengkaji juga menemubual pemilik rumah yang benar-benar mempunyai pengetahuan dan mengetahui sejarah tentang rumah yang dimiliki agar setiap persoalan dalam kajian yang dicari akan mendapat maklumat yang sahih dan tepat.

Populasi kajian inilah yang dijadikan fokus dalam kajian pengkaji dalam menjalankan kajian bagi mencapai objektif utama kajian.

1.10 Limitasi Kajian

Pengkaji menjalankan kajian mengenai keunikan seni bina rumah Melayu di Sarawak. Pengkaji hanya memfokuskan kepada seni bina rumah Melayu di Sarawak yang mempunyai pelbagai maksud tersirat di sebalik pembinaanya. Bagi pengkaji, kajian ini penting bagi kita sebagai masyarakat Melayu mahupun masyarakat umum bagi menjaga khazanah warisan ini supaya tidak pupus begitu sahaja tanpa ada satu pun kajian mengenainya. Dengan adanya kajian yang dibuat oleh pengkaji, ia akan memberikan pengetahuan dan penjelasan terhadap masyarakat bahawa setiap seni bina rumah Melayu itu bukanlah sekadar keindahan di mata dengan keunikan yang ada, tetapi setiap ciri-ciri seni bina yang dibuat itu mempunyai maksud dan falsafah yang tersendiri. Dan disebabkan itulah ia dinilaikan sebagai rumah Melayu yang mempunyai nilai keunikan tersendiri.

Dalam kajian yang dijalankan juga, pengkaji tidak dapat meluaskan skop kajian kerana terdapat halangan seperti kekurangan maklumat tentangnya dan juga kekurangan bahan rujukan. Antara bahagian yang dilimitasi oleh pengkaji dalam kajian ini adalah mengenai petua dan larangan dalam membina sebuah rumah Melayu kerana pengkaji hanya memfokuskan tentang maksud tersirat, simbol dan juga falsafah disebalik keunikan seni bina rumah Melayu di Sarawak.

1.11 Instrument Kajian

Begitu juga dengan proses dalam mendapatkan kajian. Pengkaji terlebih dahulu membuat pantauan dengan menggunakan kenderaan sendiri bagi mendapatkan rumah Melayu yang sesuai untuk menjalankan kajian dan mendapatkan maklumat yang berkaitan. Setelah itu, pengkaji pergi ke tempat kajian bagi meminta keizinan dan menerangkan tujuan sebenar kepada pemilik rumah tersebut supaya bersetuju bagi memberi kerjasama kepada pengkaji. Dan setelah temujanji dibuat, surat kebenaran dari pihak UNIMAS untuk membuat kajian di luar telah diluluskan, kajian dijalankan berjalan dengan lancarnya setelah menunggu pemilik rumah tersebut mempunyai masa yang terluang bagi berkongsikan maklumat dan menjadi informan kepada pengkaji.

Dalam menjalankan kajian tersebut, pengkaji telah menggunakan beberapa bentuk alat dalam mengumpul maklumat kajian ini. Antaranya ialah kamera, telefon bimbit (sebagai alat rakaman suara), komputer riba dan juga buku catatan. Di bawah ini adalah fungsi alat tersebut:

Kamera:
Pengkaji menggunakan kamera untuk mengambil gambar dan merakam video di tempat kajian dan turut mengambil gambar pemilik rumah tersebut. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kamera untuk mengambil gambar seni bina-seni bina yang unik dan tradisional di rumah tersebut sebagai bahan bukti pengkaji.

Telefon bimbit:

Pengkaji menggunakan telefon bimbit sebagai alat merakam segala perbualan antara pengkaji dan juga informan pemilik rumah tersebut. Dengan alat ini juga, pengkaji turut merakam segala persoalan dari pengkaji dan juga jawapan yang diterima dari informan tersebut. Rakaman ini juga dijadikan sebagai bahan bukti dalam menjalankan kajian pengkaji.

Komputer riba:

Komputer riba turut menjadi peralatan yang penting bagi pengkaji dalam membantu menyiapkan dan meyediakan maklumat bertulis/laporan tentang kajian yang dilakukan. Selain itu juga, penggunaan komputer riba sebagai alat instrument pengkaji dalam menjalankan kajian adalah bagi alat untuk mendapatkan maklumat/bahan/sumber yang boleh dipercayai dari laman sesawang/internet. Alat ini juga merupakan alat yang utama dan penting bagi setiap pengkaji.

Buku catatan:

Buku catatan adalah alat untuk pengkaji mencatat apa yang perlu seperti maklumat yang lebih penting dalam menjalankan sesi temuramah bersama informan agar tidak bergantung kepada alat teknologi (kamera dan telefon bimbit) sahaja dalam mendapatkan sumber maklumat.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kesusasteraan merupakan pengumpulan idea-idea penulis yang mengemukakan falsafah atau informasi yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Pengkaji telah mengkaji beberapa sumber sebagai panduan dan rujukan seperti buku, artikel, jurnal dan sumber internet untuk mengkaji maklumat-maklumat yang berkaitan bagi menguatkan atau mengaitkan lagi idea pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Informasi dan pandangan yang dikemukakan oleh beberapa penulis buku telah dikupas oleh pengkaji dalam mengembangkan idea dalam membuat kajianya.

2.2 Sejarah Negeri Sarawak (Bumi Kenyalang)



Peta 2.2.1: Peta Negeri Sarawak

Latar Belakang

Asal nama sebenar Sarawak tidak dapat dibuktikan secara saintifik dan mutlak. Bagaimanapun menurut beberapa pendapat nama Sarawak berasal daripada nama Batang Sarawak atau Sungai Sarawak. Batang Sarawak meliputi kawasan di sekitar Kuching hingga ke seluruh Sarawak. Nama Sungai Sarawak adalah diambil dari nama sejenis galian batu bijih iaitu "serawak" yang mengandungi belerang dan antimoni. Ini bertepatan sekali dengan sejarahnya iaitu semasa Sarawak di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei, wilayah Sarawak ketika itu kaya dengan antimoni.